

# Kerangka Metodologi Kajian Pemikiran Keamanan Global Gulen

MOHD HATIB ISMAIL<sup>I</sup>, AHMAD SUNAWARI LONG<sup>II</sup> & ZUL'AZMI YAAKOB<sup>III</sup><sup>1</sup>

## Abstrak

*Penyelidikan dianggap tidak saintifik jika menggunakan metodologi yang tidak tepat. Kertas ini akan memfokuskan pendekatan menganalisis data yang boleh diaplikasikan dalam kajian terhadap pemikiran Gulen. Penulisan pakar dalam bidang penyelidikan sains sosial menjadi bahan rujukan dalam proses membina kerangka tersebut. Hasil penelitian, pendekatan narrative analysis akan dilakukan terhadap perspektif perjalanan hidup Gulen. Manakala data untuk mengkaji perkembangan pemikiran dan idea beliau dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis). Kemudian pengaruh pemikiran beliau akan dianalisis berdasarkan interaction dan engagement yang berlaku lanjutan daripada perkembangan idea beliau.*

## Pengenalan

Gulen merupakan salah seorang tokoh muslim kontemporari yang mewarnai dunia Islam hari ini. Keunikan dan inovasi dalam pemikiran beliau banyak menyumbang kepada tradisi ilmu dan gaya hidup Islam dalam kalangan masyarakat (Gulay 2007). Gulen seorang sarjana muslim yang aktif dalam berbagai bidang sehingga diiktiraf sebagai tokoh sufi, intelektual, pendidikan Islam, pendakwah, pemikir, berpengaruh, pejuang keamanan, pendokong dialog dan aktivis sosial (Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Ali Salihin 2014; Ahmad 2017). Pada tahun 2008, beliau telah diangkat sebagai *The World's Top 100 Public Intellectuals* oleh *Washington-based Carnegie Endowment for International Peace*. (Lacey 2014). Beliau juga telah tersenarai sebagai tokoh paling berpengaruh dalam *The Muslim 500 : The World's 500 Most Influential Muslims* selama lima tahun berturut-turut (2009-2015) berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (Schleifer 2015). Pemikiran beliau menjadi subjek dan tumpuan para ahli akademik untuk diselidiki biografi, dianalisis karya-karya, dikenal pasti pengaruh, dihuraikan pemikiran, dan diaplikasi idea dan teori dari semasa ke semasa (Balci 2003; Saritoprak & Griffith 2005; Kurtz 2005; Billici 2006; Celik & Valkenberg 2007; Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Yucel 2013; Ali Salihin 2014; Turam 2015; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016; Ahmad 2017).

Salah satu sumbangan besar pemikiran Gulen yang berkait dengan isu semasa dan suasana hari ini adalah isu keamanan global. Maka, pemikiran beliau terhadap keamanan global boleh dijadikan satu topik khusus untuk menjalankan kajian. Kajian terhadap pemikiran tokoh yang baik adalah dengan menjalankan penyelidikan berlandaskan kaedah dan prinsip yang betul. Menurut Ahmad Sunawari (2015), penyelidikan tidak dianggap saintifik apabila dipengaruhi beberapa faktor seperti kaedah yang tidak sistematik, membuat kesimpulan umum tanpa perincian sebab dan kekurangan bukti. Oleh yang demikian, satu kerangka metodologi cuba dibina dalam kertas ini sebagai garis panduan dalam menjalankan penyelidikan terhadap pemikiran Gulen berkenaan isu keamanan global.

## Kerangka Teori

<sup>1</sup> Pelajar pascasiswazah, Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. P89955@siswa.ukm.edu.my; ii Professor Madya. Universiti Kebangsaan Malaysia. aslong@ukm.edu.my; iii Pensyarah Kanan. Universiti Kebangsaan Malaysia. zulazmi@ukm.edu.my

Untuk mengkaji pemikiran tokoh intelektual seperti Gulen, amat penting untuk meneliti perkara yang disebut Gulay (2007) dalam kajian beliau iaitu:

When analyzing an intellectual, it is important to explain as fully as possible the influences, circumstances, and the traits of personality which may have led them to think about certain matters in a certain way.

Terdapat tiga aspek penting yang boleh difahami dalam kajian yang dijalankan oleh Gulay terhadap pemikiran Gulen iaitu; menganalisis pengaruhnya dan mengkaji perjalanan hidup dan menganalisis perkembangan pemikirannya dengan memfokuskan salah satu subjek dari cabang idea dan pemikiran tokoh tersebut. Aspek-aspek tersebut akan diteliti dalam kajian ini mengikut kaedah yang disarankan oleh (Robert 2002; Syahrin 2006; Glesne 2011 ) seperti berikut;

1. Kajian terhadap perjalanan hidup tokoh perlu mengenal pasti suasana kehidupan *internal* dan *external* tokoh tersebut. Ianya merangkumi perihal keluarga, pengaruh pendidikan, pengalaman di setiap peringkat kehidupan. Konteks suasana kehidupan masyarakat setempat perlu juga diambil berat dengan melihat keadaan sosio-ekonomi, amalan politik, budaya dan corak pemikiran. Hasil daripada penelitian tersebut akan menjawab beberapa soalan berikut;
  - a) Apakah latar belakang pemikiran Gulen dan corak pemikiran yang mempengaruhinya?
  - b) Apakah idea keamanan global Gulen sudah terhasil pada zaman awal kehidupan di Turki atau kemudiannya?
  - c) Apakah pemikiran tersebut merupakan kesinambungan daripada sejarah pemikiran tokoh terdahulu atau cetusan idea baru Gulen.
2. Perkembangan pemikiran Gulen akan dikaji melalui proses mengenal pasti metodologi pemikiran beliau dalam memperkenalkan idea keamanan global. Kemudian analisis akan dilakukan terhadap disiplin ilmu dalam pemikiran beliau , sumber rujukan yang digunakan dan perkembangan idea falsafah pemikiran beliau dalam konteks keamanan global.
3. Pengukuran terhadap pengaruh pemikiran Gulen akan dilakukan dengan meneliti setiap gerak kerja, tindakan dan pemikiran orang lain yang menerima cetusan idea dan pemikiran beliau.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini akan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

1. Data diperolehi daripada karya-karya penulisan utama Gulen dalam bentuk buku, dan makalah yang relevan dengan konsep keamanan global. Antaranya; *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance* (2004), *Pearls of Wisdom* (2000), dan *The Necessity of Interfaith Dialogue* (2004), *Toward A lost Paradise* (1996), *Islam and Dogmatism* (2003), *Criteria or Light of the Way* (1998) dan, *The Essential of The Islamic Faith* (2010).
2. Menggunakan media elektronik dan internet. Data akan dikumpul melalui laman sesawang rasmi yang mengandungi artikel dan ucapan Gulen. Kemudiannya data yang dimuatkan melalui wawancara dan temu bual bersama beliau sama ada dalam bentuk audio atau visual. Termasuk juga akhbar dan majalah yang mempunyai perkaitan dengan pemikiran Gulen terhadap keamanan global. Antara laman web yang diteliti

ialah;<http://fgulen.com>,<https://hizmetnews.com>,  
[www.gulenmovement.com](http://www.gulenmovement.com),<https://rumiforum.org>,  
<https://www.quora.com>.

[www.peaceislands.org](http://www.peaceislands.org),

3. Pengumpulan buku ilmiah dan artikel-artikel dalam jurnal akademik yang menjurus kepada perbincangan pemikiran Gulen berdasarkan kerangka teori yang telah digariskan. Ia akan dilakukan dari masa ke semasa dalam tempoh kajian supaya seiring dengan perkembangan dan pengaruh pemikiran beliau.

### Pendekatan Menganalisis Data

Kajian perjalanan hidup gulen akan bermula dengan langkah mengenal pasti *individual characteristic* dan *relational patterns* sebagaimana disebut oleh Roberts (2002) yang mana beliau turut membawa kenyataan C.W Mills di dalam bukunya seperti berikut:

We have come to know that every individual lives, from one generation to the next, in some society; that he[sic] lives out a biography, and that he lives it out within some historical sequence. By the fact of his living he contributes, however minutely, to the shaping of this society and to the course of its history, even as he made by society and by its historical push and shove.

Maka dalam bahagian ini akan memfokuskan terhadap kehidupan peribadi Gulen, struktur dan proses perkembangan sosial, serta reaksi masyarakat terhadap diri dan pemikiran beliau. Perspektif masa dan tempat juga dititikberatkan untuk melihat sebarang perubahan bentuk pemikiran. Ini kerana Gulen melalui peringkat kehidupan di dua masa dan suasana tempat yang berbeza iaitu di Turki dan Amerika Syarikat.

Untuk menganalisis data, pendekatan *narrative analysis* akan dilakukan yang mana didefinisikan oleh Roberts (2002) dalam konteks kajian biografi sebagai:

The construction of narrative can be regarded as providing the individual with 'purposeful engagement'; narrative 'is the type discourse composition that draws together diverse events, happenings, and actions of human lives into thematically unified goal-directed process'. A more precise meaning of narrative has developed which holds that individual life experience is 'storied'.

Dalam analisis naratif, gaya penceritaan terhadap kehidupan Gulen disusun secara sistematik dengan diberi penekanan terhadap struktur dan plot penulisan. Ini kerana data yang diperolehi perlu diterjemahkan kepada satu pemahaman yang jelas terhadap perjalanan kehidupan Gulen.

Manakala kajian terhadap perkembangan idea dan pemikiran Gulen akan menggunakan salah satu pendekatan menganalisis data bagi kajian bersifat kualitatif iaitu analisis kandungan. Ia merupakan satu teknik analisis data yang saintifik berpandukan definisi yang dinyatakan oleh Krippendorf (1980);

Content analysis is a research technique for making replicable and valid inferences from data to their context.

Analisis terhadap data akan menggunakan beberapa pendekatan saintifik seperti yang digariskan di bawah:

1. *Interpretation* – Weber (1990) menyebut: "Note that interpretation is in part an art. Those who naively believe that data or texts speaks for themselves (doctrine of radical empiricism) are

*mistaken. The content analysis contributes factual and theoretical knowledge to the interpretation*". Pendekatan ini dilihat signifikan untuk menganalisis konteks pemikiran Gulen seperti pandangan Krippendrof (1980) yang menyatakan setiap kandungan teks, dengan cara apa pun ia ditafsirkan mestilah mempunyai perkaitan sama ada dari sudut konteks idea itu dihasilkan dan keadaan tertentu yang berlaku. Maka, tafsiran terhadap idea Gulen yang terdapat dalam karya penulisan, ucapan, dan wawancara akan dikaitkan dengan isu keamanan global.

2. *Coherency*- Syahrin (2006) menyatakan hal ini dengan: "Agar dapat menganalisis data secara tepat dan mendalam semua konsep dan pemikiran tokoh tersebut harus dilihat menurut keselarasannya satu sama lain. Ditetapkan inti pikiran yang mendasar dan topik-topik yang sentral pada pemikiran tokoh itu. Kemudian dianalisis secara logis dan sistematis serta disesuaikan dengan gaya dan metode pemikirannya"
3. *Intentionality*- Menurut kajian Celik et.al (2007), ada dinyatakan perkara ini sebagai: "*The write of a book produces a text to achieve a specific goal. This may be the expression of one-self, informing others, criticizing, and so forth. whatever the aim is, the text must be produced in cohesive and coherent way so that it serves for the text-produce's intention*". Sudut pendekatan ini akan cuba menjawab persoalan tentang niat dan matlamat utama idea Gulen berkaitan keamanan global. Begitu juga untuk melihat bagaimana proses penyampaian mesej terhadap idea dan pemikiran beliau berlaku.
4. *Situationality*- Juga berdasarkan kajian Celik et.al (2007) dengan kenyataan berikut: "*A text also must be relevant to a situation of occurrence. This is related to the context situation the reader is in. Here we can conclude that different people in different situations can take away different meanings from the same text*". Pendekatan ini akan cuba menjawab persoalan tentang apakah konteks pemikiran keamanan global Gulen? dan Bagaimana ia boleh disesuaikan dengan sesuatu keadaan?
5. *Intertextuality*: "*During the reading process our stored knowledge, experience, previous readings all affect the present reading perception. That is why the production and the reception of a given text depends on the participants' knowledge of other texts. If a text produced without making use of any particular knowledge which reader is supposed to know. it may not be an appropriate text. Especially when it refers to well-known texts or things or people, it is much better*" (Celik et.al 2007).

Dari perspektif ini kajian akan cuba menjawab persoalan apakah hubungan yang terbentuk antara Gulen dan komuniti atau orang lain hasil pemikiran keamanan global? Kemudian melihat bagaimana pemikiran Gulen memberi impak kepada pengetahuan dan tindakan orang lain berkaitan isu semasa? begitu juga, apakah karya penulisan Gulen dijadikan bahan rujukan dalam penulisan lain?

Seterusnya, dari perspektif pengaruh Gulen analisis akan dilakukan berdasarkan proses *interaction* dan *engagement* yang berlaku lanjutan daripada cetusan idea dan perkembangan pemikiran beliau. Sebagaimana pendekatan yang dilakukan Gulay (2007) yang menyatakan:

By emphasizing certain influences over others depending on the recipients of the message, the are times when gulen's thought seems to be driven more by the exigencies of expanding his movement than maintaining the sincerity or integrity of his belief system.

Pengaruh pemikiran keamanan global Gulen akan diukur dan dianalisis melalui pendekatan berikut;

1. Populasi pengikut dan murid beliau
2. Penterjemahan karya-karya beliau ke dalam bahasa lain
3. Penubuhan organisasi, sekolah-sekolah dan institusi pengajian di bawah naungan gagasan pergerakan beliau. Termasuk pusat pengajian yang mendapat dana dan pembiayaan daripada gagasan beliau.
4. Pengajuran seminar, persidangan, diskusi dan wacana ilmiah tentang pemikiran beliau
5. Isi kandungan bahan yang wujud dalam media cetak, elektronik, dan internet yang berkaitan pemikiran beliau.

### **Penutup**

Gulen seorang tokoh intelektual muslim yang popular dalam pemikiran keamanan global, beliau antara tokoh Islam yang konsisten mempromosikan dialog antara agama sebagai jalan keamanan. Seperti kajian ilmiah yang lain, kajian terhadap pemikiran tokoh perlu kepada kekuatan metodologi supaya hasilnya mencapai satu tahap penyelidikan yang saintifik. Perjalanan hidup Gulen dianalisis menggunakan pendekatan *narrative analysis* adalah kerana faktor menceritakan perihal riwayat hidup seseorang amat penting disampaikan dalam cara mudah difahami. Pendekatan ini melibatkan kronologi masa, struktur penyampaian dan pengisian plot disusun secara sistematik agar objektif untuk mengkaji latar belakang, corak pemikiran semasa, suasana masyarakat dan pengaruh kepada cetusan idea beliau boleh dicapai.

Pemilihan kaedah analisis kandungan yang akan diaplikasikan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk memastikan kajian berada satu sistem analisis yang saintifik dalam bidang penyelidikan sains sosial. Semestinya tidak tepat hanya sekadar menyatakan kajian dilakukan menggunakan kaedah tertentu, tetapi tidak membangunkan satu kerangka metodologi yang boleh dilihat dan dijadikan panduan mencapai objektif kajian. Analisis kandungan bukan sesuatu yang mudah disebut sahaja namun perlu kepada pendekatan yang betul. Seperti mana dinyatakan Ahmad Sunawari (2015) sekalipun ia dilihat mudah, namun perlu dijalankan dengan tiga kaedah iaitu:

1. Ia mesti bersifat objektif iaitu dirancang berdasarkan peraturan dan prosedur
2. Bersifat sistematik iaitu maklumat disusun mengikut sistem yang telah ditetapkan
3. Bersifat umum iaitu hasil kajian berada dalam lingkungan teori-teori yang ditentukan.

Perkara terakhir adalah analisis terhadap pengaruh pemikiran Gulen. Pengaruh tersebut diukur dengan meletakkan beberapa garis atau instrumen seperti mana yang telah disebut terdahulu dalam kertas ini. Garis tersebut boleh juga disebut sebagai penanda aras tersebarnya pengaruh pemikiran Gulen. Penggunaan instrumen tersebut adalah sebagai bukti kepada kesahihan maklumat atau data yang dianalisis. Semoga dengan adanya satu kerangka metodologi seperti ini, dapat memudahkan perjalanan menyelesaikan kajian terhadap pemikiran keamanan global oleh Gulen.

### **Rujukan**

- Ahmad Faizuddin Ramli. 2017. *Pemikiran dan Sumbangan Fethullah Gulen dalam Dilaug Antara Agama*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol 4. No 2. Hlm. 33-34.
- Ahmad Sunawari Long. 2015. *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahsan Khan, Maimun. 2011. *The Vision and Impact of Fethullah Gulen a New Paradigm for Social Activism*. New York: Blue Dome Press.
- Albayrak, Ismail. 2011. *Introduction. Dlm. Mastering Knowledge in Modern Times Fethullah Gulen as an Islamic Scholar*. New York: Blue Dome Press.
- Ali Salihin. 2014. Tesis. *Pemikiran Fethullah Gulen dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.

- Balci, Bayram. 2003. *Fethullah Gülen's Missionary Schools in Central Asia and their Role in the Spreading of Turkism and Islam*. Religion, State & Society. Vol. 31, No. 2. Hlm. 151-174.
- Billici, Mucahit. 2006. *The Fethullah Gulen Movement and its Politics Representation in Turkey*. The Muslim World. Vol. 96.
- Celik, Gurkan & Valkenberg, Pim. 2007. *Gülen's Approach to Dialogue and Peace: Its Theoretical Background and Some Practical Perspectives*. The International Journal of Diversity in Organisations, Communities and Nations. Vol. 7. Hlm. 29-37.
- Celik, Gurkan et.al. 2007. *Modern Ideals and Muslim Identity: Harmony or Contradiction? a Text Linguistic Analysis of the Gülen Teaching and Movement*. Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement.
- Ghulam Fatima & Munaza Hayat. 2016. *An Appraisal of Reformative Dimensions of Gulen Movement in Turkey*. Pakistan Journal of Social Sciences. Vol. 36. No 2. hlm. 1243-1250.
- Glesne, Corrine. 2011. *Becoming Qualitative Researchers an Introduction*. United States of America: Pearson.
- Gulay. Erol N. 2007. Tesis. *The Theological Thought of Fethullah Gülen: Reconciling Science and Islam*. St. Antony's College; Oxford University.
- Gulay. Erol N. 2007. *The Gulen Phenomenon: A Neo-Sufi Challenge to Turkey's Rival Elite?*. Critique: Critical Middle Eastern Studies. Vol. 16, No. 1. hlm. 37-61.
- Kayaoglu, Turan. 2015. *Explaining Interfaith Dialogue in the Muslim World*. Politics and Religion. Vol. 8. Hlm. 236-262.
- Krippendorff, Klaus. 1980. *Content Anlaysis an Introduction to its Methodology*. London: Sage Publications.
- Kurtz, Lester R. 2005. *Gülen's Paradox: Combining Commitment and Tolerance*. The Muslim World. Vol. 95. Hlm. 373-384.
- Neuendorf, A. Kimberly. 2002. *The Content Analysis Guidebook*. London: Sage Publications.
- Roberts, Brian. 2002. *Biographical Research*. Philadelphia: Open University Press.
- Saritoprak, Zeki & Griffith, Sidney. 2005. *Fethullah Gülen and the 'People of the Book':A Voice from Turkey for Interfaith Dialogue*. The Muslim World. Vol. 95. hlm. 329-340.
- Schleifer, Abdallah. 2015. *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre
- Syahrin Harahap. 2006. *Metodologi Studi Tokoh Pemikiran Islam*. Jakarta: Istiqamah Mulya Press.
- Turam, Berna. 2015. *Gulenology*. American Interest. Vol. 10. Hlm. 24-31.
- Weber, Robert Philip. 1990. *Basic Content Analysis*. London: Sage Publications.
- Yucel, Salih. 2010. *Fethullah Gulen: Spiritual Leader in Global Islamic Context*. Journal of Religion and Society. Vol. 12. hlm 1-19.
- Yucel, Salih. 2013. *Muslim-Christian Dialogue: Nostra Aetate and Fethullah Gulen's Philosophy of Dialogue*. Australia ejournal of Theology. Vol 30. No 3.